

MAHATHIR - CUEPACS 'R' 'R' 'R

(1)

1983

KUALA LUMPUR, 1 NOV. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERI JAMINAN KEPADA CUEPACS BAHAWA KAKITANGAN TANGAN KERAJAAN AKAN TERUS MENIKMATI PENCEN, ELAUN KHIDMAT AWAM DAN LAIN-LAIN FAEDAH WALAU PUN SEKIRANYA JABATAN MEREKA DISWASTAKAN.

PERDANA MENTERI JUGA MENYATAKAN KESEDIAANNYA UNTUK BERDIALOG DENGAN PARA ANGGOTA CUEPACS (KONGRES KESATUAN KAKITANGAN AWAM) MENGENAI DASAR PENGSWASTAAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA, MENURUT SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS ENCIK JAMALUDDIN MOHD. ISA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN ITU DALAM PERTEMUAN SELAMA SATU SETENGAH JAM DENGAN PRESIDEN CUEPACS ENCIK AHMAD NOR DAN ENCIK JAMALUDDIN DI PEJABATNYA HARI INI.

ENCIK JAMALUDDIN MEMBERITAHU BERNAMA CUEPACS AKAN MENGADAKAN SATU SEMINAR KHAS MENGENAI PENGSWASTAAN DAN PERSYARIKATAN MALAYSIA DI PORT DICKSON PADA 6 DIS. --LAGI 2040/MD  
MAHATHIR-CUEPACS 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI TELAH BERSETUJU MERASMIKAN SEMINAR ITU DAN BERDIALOG DENGAN PARA ANGGOTA.

KEDUA-DUA PEMIMPIN CUEPACS ITU JUGA MENIMBULKAN BEBERAPA ISU DALAM PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI, TERMASUK ELAUN PERUMAHAN, KERJASAMA ANTARA CUEPACS DAN KERAJAAN, PEMINDAHAN TEKNOLOGI DAN PERGABUNGAN KESATUAN-KESATUAN DI SABAH DAN SARAWAK DENGAN CUEPACS.

ENCIK JAMALUDDIN BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BELIAU AKAN BERBINCANG DENGAN MENTERI KEWANGAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENGENAI ELAUN PERUMAHAN.

CUEPACS TELAH MEMOHON AGAR KERAJAAN SEKURANG-KURANGNYA MENIMBANG PEMBERIAN ELAUN PERUMAHAN KEPADA PARA PEKERJA KUMPULAN +D+ UNTUK MEMBANTU MERINGANKAN BEBAN MEREKA.

INILAH KALI KETIGA CUEPACS MENIMBULKAN ISU ELAUN PERUMAHAN DENGAN PERDANA MENTERI. KALI PERTAMA IALAH PADA 22 DIS. 1981 DAN KALI KEDUA PADA 16 OGOS TAHUN LALU. --LAGI 2138/MD

MAHATHIR - CUEPACS 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI KERJASAMA CUEPACS DENGAN KERAJAAN, ENCIK JAMALUDDIN BERKATA MEREKA MENEGASKAN KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR BAHAWA HAK BERUNDING HENDAKLAH DIKEMBALIKAN KEPADA PIHAK KESATUAN KAKITANGAN AWAM SEBELUM KERJASAMA DAPAT DIJAYAKAN.

BELIAU MENAMBAH BAHAWA PERDANA MENTERI MEMBERI JAMINAN AKAN MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI.

ENCIK JAMALUDDIN BERKATA SEBAGAI TANDA MUHIBBAH, CUEPACS MENSYORKAN AGAR KONGRES TERSEBUT DAN KERAJAAN MENGANJURKAN BERSAMA SAMBUTAN HARI PEKERJA TAHUN DEPAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, KATANYA, BERSETUJU DENGAN CADANGAN ITU.

MENGENAI PEMINDAHAN TEKNOLOGI PULA, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BELIAU AKAN MENGAJAI SYOR CUEPACS SUPAYA JURUTEKNIK, PEMBANTU TEKNIK DAN PEKERJA PERTUKANGAN DARI PERKHIDMATAN AWAM DIHANTAR KE JEPUN DAN KOREA SELATAN UNTUK MENJALANI LATIHAN.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBERI RESTUNYA KEPADA PERGABUNGAN KESATUAN-KESATUAN DARI SABAH DAN SARAWAK DAN BERSETUJU MENGARAH PIHAK BERKUASA BERKENAAN UNTUK MENGAJAI PERKARA ITU. --BERNAMA 2343/MD